

e-Buletin JSKM

EDISI
APRIL
2026

INFORMASI • INSPIRASI • IMPIAN



Menyemai Harapan,

MENYANTUNI PEJUANG KECIL

Menghubungkan ilmu, empati dan tanggungjawab sosial dalam menyantuni kanak-kanak pesakit kanser.

“ Saya percaya bahawa ilmu akan lebih bermakna apabila ia mampu menyentuh kehidupan dan membawa harapan kepada mereka yang memerlukan. ”

- Siti Asmah Mohamed -

MAJLIS
APRESIASI JSKM
2026

Laporan

RAFAH YANG
DIRATAH TIDAK
PERNAH PUNAH

Puisi

MENELUSURI
PASIR DAN
KABUS BROMO

Perkongsian

eISSN 2637-0077



9 772637 007004

Penyakit Ain

NOOR AZIZAH MAZENI & ZURAIRA LIBASIN

Penyakit ain merupakan satu bentuk gangguan yang diakui dalam Islam dan berpunca daripada pandangan mata yang disertai rasa kagum, hasad atau iri hati, sama ada disengajakan atau tidak. Ia boleh menimpa seseorang tanpa sentuhan fizikal, dan kesannya boleh berlaku kepada manusia, anak kecil, harta benda malah haiwan ternakan. Dalam Islam, penyakit ain bukan mitos, sebaliknya satu hakikat yang telah dijelaskan melalui Al-Quran dan hadis.

Nabi Muhammad SAW sendiri menegaskan kewujudan penyakit ini. Dalam sebuah hadis riwayat Imam Muslim dari Ibnu Abbas RA, Baginda Rasulullah SAW menyebut bahawa ain itu benar, dan ia boleh mendahului takdir dengan izin Allah. Ini menunjukkan bahawa penyakit ain berlaku atas kehendak Allah SWT, namun manusia diperintahkan untuk berikhtiar melindungi diri melalui amalan yang betul.

Kisah Penyakit Ain di Zaman Nabi

Terdapat satu kisah yang diriwayatkan pada zaman Nabi Muhammad SAW yang sering dijadikan rujukan tentang penyakit ain. Diceritakan bahawa Sahl bin Hunaif, seorang sahabat Rasulullah SAW yang pernah mandi di satu tempat dan pada masa yang sama seorang sahabat lain, Amir bin Rabi'ah, melihat tubuh Sahl yang elok lalu memuji tanpa menyebut nama Allah SWT. Tidak lama selepas itu, Sahl jatuh sakit dan tidak mampu bergerak. Apabila perkara ini disampaikan kepada Rasulullah SAW, Baginda menegur sahabat tersebut dan menjelaskan bahawa ain boleh memberi mudarat. Rasulullah SAW kemudian memerintahkan Amir bin Rabi'ah berwuduk dan air bekas wuduk itu disiram ke atas Sahl. Dengan izin Allah SWT, Sahl kembali sihat. Kisah ini menjadi bukti jelas bahawa penyakit ain boleh berlaku akibat pandangan mata yang disertai rasa kagum tanpa keberkatan doa.

Tanda-Tanda Terkena Penyakit Ain

Antara tanda-tanda yang sering dikaitkan dengan penyakit ain termasuklah sakit badan tanpa sebab yang jelas, kelesuan melampau, perubahan tingkah laku secara tiba-tiba, sakit kepala berpanjangan, serta gangguan emosi yang sukar dijelaskan. Bagi kanak-kanak, mereka mungkin kerap menangis, menjadi takut atau mudah jatuh sakit tanpa sebab perubatan yang nyata.

Cara Mencegah Penyakit Ain

Islam menyediakan panduan lengkap untuk mencegah penyakit ain. Antaranya ialah membaca doa perlindungan, seperti Surah al-Fatihah, Ayat Kursi, Surah al-Ikhlâs, al-Falaq dan an-Nas secara konsisten. Selain itu, apabila melihat sesuatu yang baik pada diri sendiri atau orang lain, ucapkan "MasyaAllah, Tabarakallah" agar keberkatan Allah SWT mengiringi pujian tersebut. Amalan ini bukan sahaja melindungi orang yang dipuji, malah menjaga hati kita daripada rasa iri atau hasad tanpa sedar.

Di samping itu, ibu bapa digalakkan mendoakan perlindungan untuk anak-anak, seperti doa yang dibaca oleh Rasulullah SAW kepada Hasan dan Husain agar dilindungi daripada gangguan syaitan dan penyakit ain. Disamping itu, menjaga adab berpakaian, tidak terlalu menunjuk nikmat, serta sentiasa bersangka baik juga termasuk dalam langkah pencegahan yang dianjurkan.

Kesimpulannya, penyakit ain adalah satu hakikat dalam Islam yang perlu difahami dengan ilmu, bukan ditakuti secara berlebihan. Islam mengajar kita untuk seimbang antara tawakal dan ikhtiar, serta sentiasa bergantung kepada perlindungan Allah SWT. Dengan amalan doa, zikir dan adab yang betul, insyaAllah kita dilindungi daripada sebarang mudarat, termasuk penyakit ain.



اَبُوْ رَسِيْدِيْ رَنِيْكَوْ رُوْ كِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Pulau Pinang
Kampus Permatang Pauh

Unit Penerbitan e-Buletin
Jabatan Sains Komputer dan Matematik
UiTM Cawangan Pulau Pinang
13500 Permatang Pauh
Pulau Pinang

eISSN 2637-0077



9 772637 007004